


PENGAJIAN TINGGI DI TURKI

1. Hujah yang mengatakan *Turki menawarkan pengajian tinggi percuma adalah tidak tepat sama sekali.*
2. *Pendidikan percuma hanya ditawarkan di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah tinggi (Gred 1 hingga 12).* Ia sama seperti Malaysia yang turut menawarkan pendidikan percuma di peringkat sekolah rendah dan menengah dari darjah 1 hingga tingkatan 6 atas.
3. *Di peringkat ijazah pertama dan pasca siswazah, yuran dikenakan ke atas pelajar.* Kadar yuran tahunan untuk ijazah pertama adalah dari 284 Turkish Lira (RM483.00) sehingga 591 Turkish Lira (RM1,005.00) bergantung kepada bidang pengajian.
4. Bagi menampung perbelanjaan pengajian, *sebahagian besar pelajar mendapatkan pinjaman menerusi Higher Education Credit and Dormitories Institution* yang ditubuhkan pada tahun 1961 yang fungsinya hampir sama seperti PTPTN di Malaysia.
5. *Kadar faedah yang dikenakan adalah berdasarkan Indeks Harga Pengguna (CPI) yang mengikut kadar inflasi semasa.* Kadar purata CPI untuk 2010 ialah 8.58% dan tahun 2011 ialah 6.46%.
6. *Kadar faedah tambahan sebanyak 2.5% daripada kadar formula asas CPI akan dikenakan kepada pelajar yang gagal membuat bayaran dalam tempoh yang ditetapkan.*

PENGAJIAN TINGGI DAN PEMANSUHAN PTPTN

1. Pemansuhan PTPTN akan *menghadkan akses kepada pengajian tinggi dalam kalangan pelajar luar bandar dan miskin.*
2. *Lebih 70% pembiayaan PTPTN digunakan untuk menampung kos sara hidup* dan sekiranya ia dimansuhkan, akan *menyebabkan pelajar kehilangan sumber kewangan.*
3. Usaha untuk *menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi akan terjejas* kerana *pelajar luar bandar dan miskin tidak dapat keluar dari kepompong kemiskinan melalui pendidikan.*
4. *Ia juga bakal merencatkan usaha* bagi merealisasikan hasrat untuk *menjadikan Malaysia sebagai pusat pengajian tinggi negara menjelang tahun 2020.*

PENDIDIKAN PERCUMA DALAM SEKTOR PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA: FAKTA YANG PERLU ANDA KETAHUI



KENAPA PENGAJIAN TINGGI TIDAK PERCUMA?

1. *Pengajian tinggi adalah bersifat pilihan* di mana individu boleh memilih untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi atau *memasuki alam pekerjaan selepas tamat persekolahan*.
2. Tidak semua orang berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dan ini menyebabkan *hanya sebahagian sahaja masyarakat yang mendapat faedah dari pengajian tinggi percuma*.

PENGAJIAN TINGGI ADALAH SATU PELABURAN

1. *Pengajian tinggi merupakan pelaburan* yang boleh meningkatkan keupayaan seseorang individu *untuk bersaing merebut peluang kerjaya yang lebih baik dan pendapatan yang lebih tinggi*.
2. *Ia sewajarnya dikongsi bersama oleh individu dengan pembayar cukai* kerana pendidikan mempunyai ciri "quasi public goods".
3. Pengajian tinggi percuma telah memberi *isyarat yang salah dari segi harga pendidikan yang menyebabkan 'over-education'* kerana pengguna membuat keputusan yang tidak betul dari segi pelaburan pendidikan.

YURAN PENGAJIAN DAN FALSAFAH DISEBALIKNYA

1. Di Malaysia, sekalipun yuran pengajian dikenakan kepada pelajar tetapi *kerajaan telah memberi subsidi sehingga 95%*. Sebagai contoh, *kos program pengajian perubatan di IPT awam sebelum subsidi adalah sebanyak RM166,000* tetapi *pelajar hanya perlu membayar sebanyak RM9,000*.
2. *Negara maju di dunia juga telah mula mengenakan yuran pengajian di IPT awam*, antaranya ialah United Kingdom, Austria, Perancis, Ireland, Sepanyol dan lain-lain lagi.
3. Falsafah di sebalik pembayaran yuran pengajian sebenarnya adalah sebagai *tanda penghargaan kepada nilai keilmuan dan meletakkan nilai pengajian tinggi pada tempatnya*.
4. *Pengajian tinggi dikaitkan dengan peluang kerjaya dan pendapatan yang lebih baik dan ia sepatutnya "dibeli" oleh mereka yang memilih untuk melanjutkan pengajian* berbanding mereka yang memilih untuk memasuki alam pekerjaan selepas tamat alam persekolahan.
5. Pembayaran yuran pengajian *membentuk golongan pelajar yang komited dan bertanggungjawab ke atas pelaburan yang dikeluarkan*.

BERSEDIakah MALAYSIA UNTUK PENGAJIAN TINGGI PERCUMA?

1. Pengajian tinggi percuma *melibatkan jumlah dana yang besar dan Kerajaan perlu mengurangkan jumlah subsidi di bawah sektor-sektor lain* seperti sektor keselamatan, sosial, ekonomi, kesihatan, pertanian dan lain-lain bantuan untuk masyarakat luar bandar dan miskin.
2. *Idea untuk menggunakan hasil keuntungan Petronas untuk melaksanakan pengajian tinggi percuma adalah tidak bijak* kerana hasil minyak Petronas dalam negeri adalah kecil dan akan habis jika tiada penemuan sumber baru. *Jika ini berlaku, di mana sumber kewangan untuk membiayai pengajian tinggi percuma?*
3. Sekiranya ingin dilaksanakan juga, *bebannya terpaksa dikongsi oleh rakyat melalui penstrukturan semula cukai pendapatan* sepertimana negara Finland, Denmark dan Norway *yang mempunyai kadar cukai pendapatan setinggi 55.4% berbanding Malaysia di antara 0% - 26%*.
4. Negara-negara tersebut juga *melaksanakan Goods And Services Tax (GST) dan Value-added Tax (VAT) sekitar 23%-25%* yang belum lagi diamalkan di Malaysia.
5. *Pendapatan perkapita setahun negara-negara tersebut juga adalah jauh lebih tinggi* iaitu di antara USD48,420 sehingga USD88,890 berbanding Malaysia hanya USD8,420 sahaja.
6. *Hasil cukai yang tinggi dari pendapatan perkapita yang tinggi ini telah digunakan untuk membiayai pengajian tinggi* dan ini membuktikan bahawa *tidak wujud istilah pengajian tinggi percuma di mana-mana negara di dunia ini kerana pasti akan ada pihak yang membiayainya*.
7. Dalam erti kata lain, *pendidikan percuma di negara-negara di atas dibiayai oleh dana awam sepenuhnya melalui kadar cukai yang tinggi* tetapi *Malaysia dengan kadar cukai 0-26% masih mampu memberikan subsidi yuran sehingga 95% kepada lebih 500 ribu orang pelajar IPT awam setahun*.
8. Dalam masa yang sama, *idea pengajian tinggi percuma tidak boleh dilaksanakan ke atas IPT swasta* kerana ia merupakan entiti perniagaan yang berasaskan keuntungan. *Bagi mereka yang tidak berpeluang ke IPT awam, tiada istilah pengajian tinggi percuma*.
9. Pelaksanaan *pengajian tinggi percuma melibatkan implikasi-implikasi yang memerlukan pertimbangan rasional* agar tindakan tersebut *tidak menjejaskan hala tuju negara untuk mencapai status negara maju menjelang 2020*.